

BAB ENAM

KESIMPULAN DAN CADANGAN

6.1 Kesimpulan

Bahagian kesimpulan kajian ini disediakan oleh penulis setelah hampir dua tahun menjalankan kajian, penelitian, analisa dan observasi terhadap teori mahupun realiti terhadap persoalan pemimpin agama serta penglibatan mereka dalam dialog antara agama di Malaysia. Secara khusus kajian difokuskan kepada kefahaman pemimpin agama Islam dan Kristian terhadap kefahaman konsep asas dialog antara agama dan kesannya terhadap hubungan sosial mereka yang berlandaskan kepada lima tema penting. Tema-tema tersebut adalah (1) Hubungan Sosial dan Interaksi, (2) Sikap Eksklusif, (3) Sikap Altruistik, (4) Kerjasama dalam Penyelesaian Konflik dan (5) Hal-hal Dakwah dan Mubaligh. Keseluruhan kesimpulan dapatan kajian ini adalah berlandaskan kepada lima objektif utama yang telah dibentuk oleh penulis di peringkat awal kajian.

6.1 (a) Konsep Pemimpin Agama daripada Perspektif Islam dan Kristian ke Realiti

Kumpulan Pemimpin Agama Islam dan Kristian di Malaysia

Dalam meneliti perbahasan konsep pemimpin agama dari persoalan konseptual kepada pembinaan konsep pemimpin agama dalam realiti di Malaysia, terdapat lima perkara penting yang harus diambil perhatian terutama oleh pihak pembuat dasar seperti kerajaan mahupun badan-badan yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam pelaksanaan dialog antara agama seperti badan-badan bukan kerajaan dan kumpulan pertubuhan-

pertubuhan agama secara khusus pertubuhan agama Islam dan Kristian sebagaimana fokus kajian ini. Ini adalah kerana ‘Pemimpin Agama’ itu mempunyai konsep dan ciri tertentu dan seharusnya konsep ini perlu dititikberatkan dalam pemilihan pemimpin agama terutama untuk mewakili agama masing-masing dalam pelaksanaan dialog antara agama dan secara khusus dialog penyelesaian konflik. Jika kesalahan berlaku dalam pemilihan pemimpin agama yang menjadi wakil dalam berdialog ia akan memberi kesan terhadap keseluruhan pelaksanaan dialog dan seterusnya memberi kesan kepada hubungan antara sesebuah agama. Di antara perkara yang perlu di ambil perhatian dalam pemilihan pemimpin agama adalah:

Pertama: ciri-ciri umum pemilihan pemimpin agama. Daripada perbincangan umum, pemimpin agama perlu mempunyai ciri-ciri kepimpinan yang tinggi yang terbahagi kepada (1) Kualiti Fizikal (*Physical Quality*). Ia terbahagi pula kepada (a) Kualiti Fizikal Luaran (*External Physical Quality*) seperti berpengalaman, mampu untuk memimpin, mampu membuat perancangan organisasi yang diterajui, mampu memberi perintah dan arahan dengan baik serta memutuskan sesuatu perkara dengan bijak secara khusus dalam hal-hal hubungan mahupun konflik antara agama sebagaimana fokus kajian ini. (b) Kualiti Fizikal Dalaman (*Internal Physical Quality*). Kualiti ini adalah seperti mampu menjadi pembimbing (*guidance*) terutama dalam kerangka pembimbing kerohanian (*spiritual guidance*). Pemimpin agama juga perlu ada kualiti mempengaruhi kumpulan pimpinannya (*influential person*) dan mempunyai daya inisiatif (*initiative person*) yang tinggi dalam menjalankan kerja-kerja yang diamanahkan terutama dalam kerangka membimbing dan menjamin kemaslahatan masyarakat yang besar di bawah kepimpinannya.

(2) Kualiti Keagamaan dan Kualiti Kerohanian (*Religious Quality and Spiritual Quality*). Di antara ciri-ciri yang diperhalusi adalah seperti (a) mempunyai kepercayaan dan keimanan kepada Tuhan, (b) mematuhi, tunduk dan patuh segala perintah agama, (c) bermoral dan beretika, (d) taat beribadah, wara' dan (e) mempunyai hubungan baik sesama manusia. (3) Berautoriti dan Berwibawa (*Authoritative*). Ciri ini amat penting kerana kualiti ini dilihat dari sudut kewibawaan pemimpin agama untuk memimpin, memutuskan sesuatu keputusan serta mampu untuk menjadi kuasa atau suara penentu dan pengimbang dalam apa jua keadaan atau situasi terutama dalam isu-isu atau konflik antara agama.

Kedua: ciri-ciri khusus pemilihan pemimpin agama daripada Islam dan Kristian. Kajian mendapati kedua-dua agama amat menitikberatkan kualiti yang perlu ada pada seseorang pemimpin. Sebagai contoh dalam ciri-ciri asas seseorang pemimpin agama dalam Islam itu perlu (1) Berakhlak, (2) Ber'ilmu (*Knowledgable*), (3) Bijaksana/Hikmah (*Wisdom*), (4) Bertanggungjawab (*Responsible*), (5) Berkuasa sebagai pemutus (*Authority*) dan (6) Cekap (*Competence*), (7) 'Adil (*Justice*) dan Berani (*Courage*). Selain daripada itu pemimpin juga harus mempunyai ciri-ciri seperti (7) Pembimbing (*Guidance*) dan (8) Sikap Ta'at dan Patuh (*Obedience*) kepada agama. Manakala dalam ciri-ciri yang bersifat semasa, seseorang pemimpin agama itu perlu (1) Berpandangan jauh dan Menerima cabaran (*Visionary and Accept Challenges*), (2) Bersifat Dinamik (*Dynamic leadership*), (3) Mempunyai ciri-ciri Perubah (*Transforming leadership*), (4) mempunyai ciri Perancang terbaik (*Good Planner*), (5) keupayaan mempengaruhi dalam membuat keputusan (*Influential Person*), (6) mempunyai sikap memberi kuasa kepada orang bawahan (*Empowering*), (7) mampu memotivasikan pengikutnya (*Motivates and encourages others*) dan (8) mampu menjadi model ikutan (*Role Model*).

Manakala dari pandangan Kristian, pemimpin agama itu harus mempunyai ciri-ciri sebagai *Shepherd* (Pengembala kambing). Di antara ciri-cirinya (1) mempunyai perilaku dan tindak tanduk sebagai *Christ* iaitu mampu menjadi *Role Model* (contoh ikutan yang baik) kepada seluruh pengikutnya. (2) Mempunyai ciri-ciri pembimbing kerohanian yang baik, (3) mampu menerapkan konsep kasih sayang yang tinggi sesama penganut dan (4) mampu menjadi pelindung (*protector*) daripada sebarang ansir luar atau fahaman salah (*false doctrine*) kepada seluruh pengikutnya. Penulis melihat bahawa terdapat persamaan yang ketara dalam aspek penentuan kualiti pemimpin agama daripada pandangan Islam dan Kristian. Walaubagaimanapun yang membezakan di antara ciri-ciri Islam dan Kristian adalah konsep penyerahan atau penyandaran pemimpin agama Kristian adalah kepada *Christ* berbanding Islam hanya kepada Allah S.W.T.

Ketiga: Peranan yang harus dimainkan oleh pemimpin agama terutama daripada pandangan Islam dan Kristian. (1) Ketua Agama perlu memahami prinsip-prinsip asas hubungan antara agama masing-masing dan menerapkannya ke dalam diri setiap ahli masyarakat di bawah kepimpinannya. Kajian menunjukkan bahawa kedua-dua agama amat menitikberatkan prinsip-prinsip asas hubungan antara berlainan agama seperti (a) penekanan kepada aspek memuliakan dan menghormati sesama manusia walaupun berlainan agama, (b) membina hubungan baik, berinteraksi dan berdialog, (c) memelihara sesama manusia daripada sebarang bentuk kezaliman dan penindasan, (d) melindungi dan memelihara daripada sebarang pencerobohan harta benda serta kehormatan diri, (e) menjamin kebebasan agama dan mencari rezeki (f) melindungi sesama manusia semasa dalam keadaan uzur, tua dan kemiskinan.

Manakala Kristian juga turut menekankan (a) kepentingan membuka ruang komunikasi dan berdialog dengan agama selain Kristian (*non-Christian religion*), (b) meningkatkan sikap hormat- menghormati (*respect*), (c) memupuk sikap persahabatan (*friendship*), (d) memupuk sikap kebersamaan (*togetherness*) dan (e) menolak sikap prejudis (*prejudice*) dan (f) menolak permusuhan (*antagonism*) sesama manusia. (2) Pemimpin agama perlu menjalankan Intra Dialog(dialog dalam masyarakat sendiri). Seterusnya melalui prinsip-prinsip asas hubungan antara agama seperti dinyatakan di atas, maka pemimpin agama Islam dan Kristian haruslah menjalankan proses intra dialog (dialog dalam masyarakat sendiri) dalam menerangkan kepada masyarakat di bawah kepimpinan masing-masing terhadap kepentingan membina hubungan baik sesama berlainan agama mahupun memberi kefahaman kepada pengikut masing-masing untuk mengelakkan salah tafsir terhadap sesebuah agama. Selain itu pemimpin agama juga harus menjadi mediator untuk memberi penjelasan yang tepat dan objektif jika berlaku konflik antara agama. (3) Pemimpin agama perlu menjalankan Inter Dialog. Manakala di peringkat pemimpin-pemimpin agama pula platform dialog harus digerakkan sama ada (i) pertemuan berkala, (ii) kunjungan muhibbah mahupun (iii) pertemuan dialog untuk membincangkan sebarang konflik. Pada pandangan penulis jika ketiga-tiga peranan ini dapat dilaksanakan oleh pemimpin-pemimpin agama dengan baik sudah pasti hubungan antara agama yang di kalangan penganut pelbagai agama akan dapat dibangunkan.

Keempat: Rasional penglibatan pemimpin agama dalam dialog antara agama dalam konteks bernegara. Terdapat Empat Rasional keperluan penglibatan pemimpin agama dalam dialog antara agama di peringkat sesebuah negara iaitu peringkat nasional. (1) Rasional Normatif (*Normative Rational*). Rasional ini menekankan tentang peranan

kumpulan pemimpin agama dalam menentukan nilai-nilai dan identiti masyarakat di bawah pengawasannya. Selain itu sifat dalaman seperti norma-norma keagamaan, kerohanian, keintelektualan, etika dan moraliti serta daya tahan pemimpin agama dalam komunitinya juga turut dititikberatkan. Ini terangkum dalam tiga faktor penting iaitu (a) Mempunyai komitmen yang bersepadu (*Holistic Commitment*), (b) Beridentiti Unggul (*Embedded Identity*) dan (c) Mempunyai kepelbagaian fungsi (*Multi function*). Ini adalah kerana norma-norma ini secara umumnya dapat meningkatkan juga moral masyarakat awam seterusnya menjadikan mereka model dalam kehidupan sama ada dalam komuniti sendiri (*intra community*) mahupun komuniti luar (*inter community*). Ciri-ciri ini begitu penting kerana pelaksanaan dialog juga perlu berlaku dalam dua peringkat iaitu *inter dialogue* (dialog dengan komuniti luar) dan *intra dialogue* (dialog di dalam komuniti sendiri). (2) Rasional sebagai Sumber (*Resources Rational*). Rasional ini menekankan bahawa kemampuan kumpulan pemimpin agama berperanan dalam tiga aspek utama iaitu (a) Modal Insan (*Human Capital*), (b) Modal Sosial (*Social Capital*) dan (c) Modal Fizikal (*Physical Capital*). Kombinasi ketiga-tiga elemen ini amat penting dalam mengurus identiti kumpulan agama dalam hal kepimpinan agama serta aspek pengurusan yang melibatkan urusan dalam sesebuah agama, urusan antara agama dan dalam waktu yang sama urusan yang bersifat nasional. (3) Rasional dari aspek pentadbiran (*Governance Rational*). Rasional ini dilihat dari konteks yang lebih luas iaitu pemimpin agama berperanan sebagai wakil, pengantara, mediasi atau ejen di dalam komunitinya dan di antara kumpulan-kumpulan agama atau kumpulan-kumpulan selain agama. Di antara isu-isu yang timbul dalam pelbincangan masyarakat yang berbilang agama dan budaya adalah kemampuan kumpulan agama mentadbir, mengawal dan memerangi diskriminasi agama dan kaum, tuntutan hak kaum minoriti serta mempromosikan konsep saling faham-memahami antara masyarakat berbilang agama. Jika pemimpin agama dapat mengurus hal ini dengan baik ia

pasti akan dapat mengurangkan konflik agama mahupun “*religious tension*”. (4) Rasional ejen penyatuan (*Integrative Rational*). Peranan ejen penyatuan adalah kunci penting yang perlu dimainkan oleh pemimpin agama. Ini adalah kerana dua elemen yang boleh membentuk dan mempromosi kesepaduan masyarakat (*community cohesion*) kesatuan kerakyatan (*Sense of Citizenship*) amat bergantung sejauhmana pemimpin agama berperanan. Jika kumpulan pemimpin agama tidak dapat bekerjasama di antara mereka dalam kontek membina hubungan dan komunikasi yang baik dan berterusan di kalangan mereka maka ejen penyatuan tidak berfungsi dan proses menyatukan masyarakat berbilang agama tidak dapat dilaksanakan. Maka proses dialog juga tidak akan dapat dilaksanakan.

Kelima: Penentuan Pemimpin Agama Islam di Malaysia menurut Perlembagaan, Enakmen Negeri-Negeri dan Struktur Pentadbiran Agama Kristian. Setelah kajian terperinci dilaksanakan didapati bahawa Perlembagaan Malaysia dan Enakmen Pentadbiran Agama Islam contohnya di Negeri Selangor, Negeri Perak dan negeri-negeri lain ini tidak menjelaskan peranan YDPA di peringkat Persekutuan dan Sultan sebagai Pemimpin Agama dalam apa-apa hal melainkan perlu bertindak atas nasihat pihak ketiga. Oleh itu yang menjalankan tugas atau peranan pemimpin agama terutama dalam hal ehwal masyarakat Islam adalah (1) Ahlijawatankuasa Fatwa Kebangsaan, (2) Mufti dan Ahlijawatankuasa Fatwa Negeri dan (3) Majlis Agama Islam Negeri-Jabatan Agama Islam Negeri. Manakala bagi agama Kristian, pemimpin agama mereka adalah kumpulan paderi sama ada berstatus Archbishop, Bishop, Reverand, Pastor, Deacon dan lain-lain. Secara struktur seluruh paderi ini bernaung di bawah Pertubuhan Kristian Malaysia (*Christian Federation of Malaysia*) di peringkat nasional yang terdiri daripada Gereja Katolik, Majlis Gereja Se Malaysia dan Gereja Evangelikal di mana gereja-gereja ini mempunyai wakil mereka yang

bertanggungjawab terhadap hal ehwal masyarakat Kristian. Maka dalam kajian ini kumpulan inilah yang akan berperanan sebagai pemimpin agama bagi pihak agama Islam dan Kristian yang perlu melaksanakan dialog antara agama mahupun dialog penyelesaian konflik di peringkat nasional. Berdasarkan huraian pada kesimpulan di atas penulis telah membakukan satu asas iaitu *Diagnostic RL(Religious Leader)* pada Jadual 2.2 untuk menunjukkan keseluruhan aspek pemimpin agama dari persoalan konseptual kepada persoalan realiti di Malaysia. Maka dengan ini terbinanya *Diagnostic RL(Religious Leader)* ini maka ia boleh di jadikan satu “Model” awal iaitu yang pengkaji namakan sebagai “Model Penglibatan Pemimpin Agama dalam Dialog Antara Agama di Malaysia”.

6.1(b) Perkembangan Dasar Kerajaan dan Organisasi Menaungi Pemimpin Agama Islam dan Kristian dan Kesan Terhadap Hubungan Antara Agama dan Pelaksanaan Dialog Antara Agama di Malaysia

Pada dasarnya sesebuah negara akan bergerak dan membangun berdasarkan perancangan mahupun dasar yang telah ditetapkan. Maka bagi Negara Malaysia dasar tersebut terangkum dalam Dasar Pembangunan Negara. Merujuk kepada kerangka kajian ini iaitu tahun 2001 hingga 2010 maka dasar negara tersebut adalah terangkum dalam Rancangan Malaysia Kelapan (RM 8) dan Rancangan Malaysia Kesembilan (RM 9) termasuk Gagasan Islam Hadhari dan 1Malaysia. Setelah kajian dijalankan, penulis dapat membuat kesimpulan bahawa terdapat dengan jelas dalam dasar-dasar tersebut menekankan untuk membina masyarakat yang mempunyai sikap toleransi yang tinggi, membangunkan perpaduan antara agama dan kaum, membangunkan kemakmuran negara, memupuk intergrasi serta membina perkongsian maklumat di antara masyarakat yang berbilang

agama, etnik dan budaya. Seluruh aspek ini secara jelas mempunyai hubungan yang rapat dengan matlamat pelaksanaan dialog antara agama walaupun pelaksanaannya dijalankan dalam pelbagai bentuk aktiviti, medium dan platform. Maka berdasarkan skop kajian ini, penulis merumuskan bahawa di peringkat negara konsep pelaksanaan dialog antara agama di Malaysia dikategorikan sebagai *Socio political dialogue*. Ini adalah berdasarkan kepada usaha-usaha kerajaan merangka dan merancang serta menstruktur polisi-polisi dalam dasar pembangunan negara dengan bertujuan untuk memastikan negara berada dalam keadaan aman, bersatu padu sehingga dapat memberi kesan yang baik terhadap ekonomi dan kestabilan negara.

Walaupun penulis mendapati bahawa Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) yang bertindak sebagai urusetia kepada Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Ugama Islam (MKI) yang menanungi kumpulan pemimpin agama Islam tidak menekankan dalam perancangan strategik ataupun dasar unit mereka terhadap membina hubungan antara agama dan secara khusus melaksanakan dialog antara agama. Sedangkan dalam perancangan strategik, mereka menyatakan di antara cabaran JAKIM adalah terdapat “Ancaman Akidah, Pemikiran dan Diayah Agama-agama lain yang semakin menyerlah”. Manakala masyarakat bukan Muslim juga adalah salah satu “Pelanggan” mereka. Tambahan lagi dalam perbahasan Islam Hadhari, Prinsip Ketujuh: Perlindungan hak kumpulan minoriti dan wanita, secara jelas telah memberi penekanan terhadap keperluan untuk membina hubungan dan melaksanakan dialog dengan kumpulan minoriti iaitu secara khusus masyarakat bukan beragama Islam. Oleh itu pada pandangan penulis ini suatu perkara yang tidak selari dari sudut dasar dan pelaksanaan serta perlu kepada tinjauan semula oleh mereka yang berwajib iaitu JAKIM.

Seterusnya perkara yang sama turut berlaku kepada Jabatan-Jabatan Mufti di peringkat negeri yang turut tidak meletakkan dasar membina hubungan dan melaksanakan dialog antara agama itu suatu keperluan dalam unit mereka. Pada pandangan penulis ini terjadi adalah kerana Pelan Strategik Jabatan-Jabatan Mufti dibentuk adalah berdasarkan Pelan Strategik JAKIM. Oleh sebab itu terdapat persamaan dalam perancangan kedua-dua unit ini. Seterusnya kajian juga mendapati walaupun di peringkat JAKIM dan Jabatan-Jabatan Mufti tidak menekankan tentang pelaksanaan dialog antara agama tetapi di peringkat Unit-Unit Dakwah, Jabatan-Jabatan Agama Islam Negeri pula ia berlaku sebaliknya. Ini adalah kerana terdapat 7 buah Unit Dakwah Jabatan Agama Islam Negeri daripada 14 buah jabatan telah meletakkan di antara perancangan mereka adalah untuk berdakwah, berkomunikasi dan membina hubungan antara agama serta melaksanakan dialog antara agama. Di antara jabatan agama yang terlibat adalah (1) Jabatan Agama Islam Selangor(JAIS), (2) Jabatan Agama Wilayah Persekutuan(JAWI), (3) Jabatan Agama Islam Perak (JAIPK), (4) Jabatan Agama Islam Pahang (JAIP), (5) Jabatan Agama Islam Pulau Pinang (JAIPP), (6) Jabatan Hal Ehwal Islam Kedah (JAIK) dan (7) Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM). Justeru apa yang penulis dapat simpulkan adalah telah berlaku ketidakseragaman mahupun keselarian dari sudut dasar JAKIM sebagai salah satu jabatan di bawah Jabatan Perdana Menteri yang seharusnya bukan sahaja melihat aspek hal ehwal masyarakat beragama Islam tetapi turut membuka ruang komunikasi terhadap masyarakat bukan beragama Islam tambahan lagi sebagaimana yang dinyatakan dalam Pelan Strategik Jakim bahawa masyarakat bukan Muslim adalah “Pelanggan” mereka.

Kajian terhadap organisasi yang menaungi kumpulan pemimpin agama Kristian berlaku sebaliknya. Tiga gereja utama yang bernaung di bawah Persekutuan Kristian Malaysia iaitu Gereja Katolik, Majlis Gereja-Gereja SeMalaysia dan Gereja Evangelikal secara jelas menyatakan bahawa salah satu objektif dan matlamat organisasi mereka adalah untuk membina hubungan antara agama serta menggalakkan pelaksanaan dialog antara agama. Pihak gereja juga secara khusus memberi galakan terhadap membina hubungan damai terhadap masyarakat beragama Islam. Justeru secara “Struktur Bernegara” tahun 2001 hingga 2010 kajian menunjukkan bahawa dasar pihak organisasi yang menaungi pemimpin agama Kristian adalah selari dan mempunyai kesinambungan dengan dasar kerajaan (RM8, RM9, Islam Hadhari dan 1Malaysia) terhadap kepentingan membina hubungan antara agama berbanding organisasi yang menaungi kumpulan pemimpin agama Islam.

Isu-isu utama yang berlaku di antara 2001 hingga 2010 yang dilihat oleh penulis sebagai pencetus konflik di antara Islam dan Kristian di Malaysia adalah (1) Isu Kebebasan Beragama-Kes Lina Joy, (2) Isu Negara Islam, (3) Isu Pelaksanaan Hudud, (4) Pengharaman Bible Bup-Kudus – Al-Kitab(versi Bahasa Malaysia-Indonesia) dan (5) Larangan Penggunaan Kalimah Allah dalam penerbitan Kristian (Herald-The Catholic Weekly, versi Bahasa Malaysia). Secara kronologinya, penulis mendapati bahawa isu-isu yang dinyatakan di atas telah berlaku semenjak tahun 80 an lagi selepas Dasar Islamisasi dibangunkan oleh pihak kerajaan Malaysia sebagai suatu dasar negara tetapi mengapa ia masih belum dapat diselesaikan dan terus berlaku sehingga penulis membuat kesimpulan kajian ini. Jika perbincangan ini berdasarkan kajian dalam kerangka tahun 2001 hingga 2010 sebagaimana keseluruhan kerangka kajian ini, penulis mendapati bahawa aliran perbincangan

atau jalan penyelesaian yang diambil oleh pihak berwajib mahupun pemimpin agama Islam dan Kristian terhadap isu-isu ini adalah berdasarkan perspektif perundangan semata-mata. Usaha penyelesaian secara khusus melalui perspektif agama iaitu agama Islam dan Kristian tidak pernah berlaku. Ini adalah kerana kegagalan pemimpin agama berperanan dalam melaksanakan dialog antara agama serta memahami isu-isu yang menjadi konflik agama daripada persektif agama masing-masing. Sedangkan sama ada Islam mahupun Kristian secara teorinya menggalakkan pelaksanaan dialog antara agama sebagaimana dihuraikan dalam Bab Dua kajian ini.

Walaupun kajian mendapati proses Intra Dialog (dialog dalam komuniti sendiri) berjalan dalam pelbagai mekanisma seperti melalui (1) laman sesawang badan agama masing-masing, (2) buletin berkala, (3) penerbitan buku, (4) aktiviti-aktiviti kursus/bengkel yang berciri intra dialog serta (5) perhimpunan-perhimpunan agama tetapi kandungan atau maklumat yang disampaikan adalah terarah kepada justifikasi atau hujah-hujah yang bersifat eksklusif dan bukan ke arah bersifat multi matlamat. Seharusnya matlamat Intra dialog adalah (1) memberi kefahaman yang sebenar berkaitan konflik yang berlaku berdasarkan pandangan agama masing-masing. (2) Menjelaskan apakah keputusan yang telah diputuskan di antara pemimpin-pemimpin agama sebagai contoh pemimpin agama Islam dan Kristian terhadap hasil dialog yang berlangsung berkaitan konflik yang dibincangkan. (3) Bersikap hikmah untuk meredakan perasaan atau emosi kemarahan masyarakat agama masing-masing dan bukan menanam sikap permusuhan dan kebencian yang berpanjangan. Malangnya hasil kajian menunjukkan perkara ini tidak berlaku. Oleh sebab itu isu mahupun konflik antara Islam dan Kristian di Malaysia masih berterusan.

6.1(c) Tahap Kefahaman Pemimpin Agama Islam dan Kristian Terhadap Konsep

Asas Dialog Antara Agama dan Faktor Mempengaruhi

Tahap kefahaman Pemimpin Agama Islam dan Kristian terhadap konsep asas dialog antara agama adalah fokus utama kajian ini. Maka dengan merujuk kepada Skala Tahap Kefahaman Dialog (SKTD) pada Jadual 4.44-I. dan Jadual 4.142, hasil kajian menunjukkan kedua-dua kumpulan berada pada tahap yang sama iaitu pada tahap “Faham(F)” dengan Skala Markah masing-masing 2593 – 3456 dan 2017 – 2688. Setelah analisa dibuat hasil tahap kefahaman ini adalah disumbang oleh tiga faktor utama iaitu Faktor Pertama (F1): Tahap Pendidikan/Pendidikan Agama/Proses Pendidikan, Faktor Kedua (F2): Pengalaman Ketua Agama dalam dialog antara agama dan Faktor Ketiga (F3): Tahap Keagamaan.

6.1(d) Tahap Kesan Kefahaman Pemimpin Agama Islam dan Kristian Terhadap

Hubungan Sosial dan Faktor Mempengaruhi.

Seterusnya berkaitan dengan kesan kefahaman terhadap hubungan sosial Pemimpin Agama Islam dan Kristian, Skala Kesan Hubungan Sosial 1(SKHS 1) dan Skala Kesan Hubungan Sosial 2 (SKHS 2) menunjukkan bahawa tahap kesan hubungan sosial Pemimpin Agama Kristian adalah lebih baik berbanding Pemimpin Agama Islam iaitu tahap “Tinggi (T)” kepada tahap “Sederhana (SD)”. Setelah analisa dibuat kajian mendapati terdapat lima faktor yang mempengaruhi tahap kesan hubungan sosial Pemimpin Agama Islam dan Kristian. Faktor-faktor tersebut adalah, (1) Faktor Pertama (F1): Tahap Pendidikan/Pendidikan Agama/Proses Pendidikan, (2) Faktor Kedua (F2): Pengalaman

pemimpin agama dalam dialog antara agama, (3) Faktor Ketiga(F3): Tahap Keagamaan, (4) Faktor Empat (F4): Tuntutan Semasa(Organisasi) dan (5) Faktor Kelima (F5): Faktor Politik. Walaubagaimanapun jika diteliti secara perbandingan kekerapan faktor yang menyumbang kepada kesan hubungan sosial Pemimpin Agama Islam pada tahap “Sederhana(SD)” adalah Faktor Keempat(F4): Tuntutan Semasa(Organisasi) iaitu dengan kekerapan sebanyak 8 kali dengan 28.6 %. Manakala bagi Pemimpin Agama Kristian pula tahap kesan hubungan sosial banyak dipengaruhi oleh Faktor Pertama(F1):Tahap Pendidikan/Pendidikan Agama/Proses Pendidikan dan Faktor Keempat(F4): Tuntutan Semasa(Organisasi) dengan kekerapan masing-masing sebanyak 7 kali iaitu dengan 25%.

6.1(e) Signifikansi Hubungan di antara Kefahaman (*Independent Variable*) Yang Baik terhadap Konsep Asas Dialog Antara Agama dan Kesan Baik terhadap Hubungan Sosial (*Dependent Variable*) oleh Pemimpin Agama Islam dan Kristian

Analisa juga mendapati bahawa terdapat hubungan yang signifikan di antara tahap kefahaman (*Independent Variable*) yang baik dengan tahap kesan hubungan sosial (*Dependent Variables*) yang baik dalam kalangan Pemimpin Agama Islam dan Kristian. Dalam kajian ini hasil menunjukkan bahawa jika responden iaitu Pemimpin Agama Islam dan Kristian mempunyai tahap kefahaman yang baik terhadap konsep asas dialog antara agama maka ia akan dapat menyumbang kepada tahap hubungan sosial yang baik di antara mereka.

Maka dengan dapatan kajian penulis dapat membangunkan Model Ejen Dialog Antara Agama yang merangkumi empat asas utama iaitu setiap ejen dialog perlu mempunyai ciri-ciri khusus seperti (1) Berilmu (*Knowledgeable*), (2) Berpengalaman (*Well experienced*), (3) Personaliti yang baik (*Good Personality-Religious*) dan (4) Hubungan Sosial yang baik (*Good Relationship Building*).

6.2 Cadangan

Pada bahagian ini penulis akan memberi beberapa cadangan yang bersesuaian dan relevan berdasarkan hasil dapatan kajian yang telah dibentangkan pada bab-bab sebelum ini. Cadangan-cadangan ini akan meliputi perspektif teori, tindakan pelaksanaan yang perlu diambil oleh badan-badan berwajib dan berkaitan serta cadangan penyelidikan pada masa depan.

Pertama: Berdasarkan konsep asas pemimpin agama sebagaimana yang telah dibangunkan oleh penulis daripada persektif teori ke realiti Malaysia terutama dalam penglibatan pemimpin agama dalam pelaksanaan dialog dan membina hubungan antara agama, maka pihak yang berwajib seperti kerajaan di peringkat pusat mahupun di negeri harus meneliti kembali ciri-ciri dan kelayakan calon yang akan dilantik dan berperanan sebagai pemimpin agama. Secara khusus calon-calon yang mengisi jawatan dalam Ahli Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan, Majlis-Majlis Agama, Jabatan Agama Islam Negeri dan agensi yang berkaitan. Pada pandangan penulis calon bukan saja dilihat dari aspek

kelayakan akademik dan bidang kepakaran mereka semata-mata. Tetapi calon juga harus dilihat sejauhmana mereka boleh menjadi ejen dan membina hubungan antara agama yang baik di peringkat nasional mahupun negeri. Perkara yang sama juga harus dilakukan oleh agama Kristian iaitu di bawah Persekutuan Kristian Malaysia. Sebagaimana yang telah dibincangkan sebelum ini di antara ciri-ciri kepimpinan berkualiti yang harus ada dalam diri setiap ketua agama adalah (1) Kualiti Fizikal, (2) Kualiti Keagamaan, (3) Kualiti Kerohanian dan (4) Berautoriti dan Berwibawa. Manakala dalam aspek berperanan sebagai ejen dialog dan hubungan antara agama calon pemimpin agama itu juga perlu ciri-ciri Model Ejen Dialog Anantara Agama (*Model Agent of Interfaith Dialogue*) (*MA_IFD*) yang dibangunkan daripada hasil kajian ini iaitu (1) mempunyai ilmu agama, ilmu perbandingan agama dan ilmu hubungan antara agama, (2) berpengalaman dalam melaksanakan dialog antara agama dan aktiviti hubungan antara agama, (3) mempunyai personaliti keagamaan yang baik yang dapat dijadikan contoh untuk agama sendiri dan dihormati di kalangan agama lain dan (4) mempunyai hubungan sosial yang baik di kalangan bukan Muslim terutama ketua agama dari agama lain.

Kedua: Justeru dengan cadangan pertama di atas, perkara pemilihan pemimpin agama ini memerlukan kaedah yang sistematik dan bersifat boleh diukur. Oleh yang demikian penulis mencadangkan kaedah *Diagnostic RL(Religious Leader)* yang dibangunkan oleh penulis daripada hasil kajian ini dapat digunakan untuk memilih sama ada pemimpin agama yang dipilih itu mempunyai ciri-ciri yang sesuai atau tidak. Ini juga termasuk mengukur tahap kefahaman mereka terhadap konsep asas dialog antara agama dan kesan mereka terhadap hubungan sosial sebagaimana yang telah dijalankan oleh penulis dalam kajian ini terhadap pemimpin agama yang dipilih sebagai responden. Maka

dengan ini secara dasarnya pihak berwajib akan dapat mencari pemimpin agama yang bukan sahaja berkelayakan secara akademik dalam bidang kepakaran masing-masing tetapi memenuhi ciri-ciri tambahan yang diperlukan dalam menjadi ejen dialog mahupun ejen membina hubungan antara agama dan seterusnya menjadi ejen penyelesaian konflik antara agama di Malaysia. Maka jika perkara ini dapat dilaksanakan dengan bersistematik serta berstruktur ia akan dapat mengurangkan risiko kesalahan menghantar wakil agama dalam sesi dialog antara agama dan secara khusus dialog penyelesaian konflik. Oleh penulis mencadangkan *Diagnostic RL (Religious Leader)* dengan gabungan *Diagnostic Understanding IFD-SR* yang dihasilkan oleh penulis daripada dapatan kajian dapat dibangunkan secara bersistem seperti memperincikan setiap elemen dan seterusnya membina *e-Diagnostic RL(Religious Ledaer)* di peringkat nasional. Oleh itu satu “Model Pemimpin Agama” dalam konteks realiti di Malaysia yang bersifat plural dan dalam konteks pelaksanaan dialog antara agama akan dapat dibangunkan.

Ketiga: Setelah meneliti kepada realiti dalam pihak berwajib Islam menangani isu-isu atau konflik antara agama, seharusnya pihak agama Islam hendaklah menentukan sebuah unit atau organisasi yang terdiri daripada pemimpin agama yang memenuhi ciri-ciri dalam cadangan pertama dan kedua seperti di atas untuk memudahkan pihak yang bukan beragama Islam untuk datang berdialog serta mendapatkan maklumat dan kefahaman berkaitan isu antara agama yang berlaku. Ini adalah kerana pada waktu ini platform atau unit ini tidak wujud tambahan lagi JAKIM yang bertindak dalam menjaga hal ehwal masyarakat beragama Islam di Malaysia dalam kapasiti bukan Islam adalah menjadi pelanggan mereka tetapi tidak mempunyai fokus atau matlamat dalam menguruskan hal-hal hubungan antara agama apatah lagi menjadi peneraju kepada pelaksanaan dialog antara agama dan secara

khusus dialog penyelesaian konflik. Pada pandangan penulis platform atau unit ini amat penting untuk pihak pemimpin agama bukan Islam khususnya Kristian sebagaimana kajian ini untuk datang berdialog, mendapatkan penjelasan dan kefahaman dalam sesuatu isu yang timbul berkaitan Islam. Walaupun penulis sedia maklum bahawa telah terdapat satu platform yang ditubuhkan pada hujung 2010 yang lalu iaitu Ahli Jawatankuasa Mempromosikan Persefahaman dan Keharmonian di antara Penganut Agama (JKMPKA)⁶⁸⁹ di bawah Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional, tetapi dalam penelitian penulis ahli-ahlinya tidak menepati *Diagnostic RL (Religious Leader)* dan Model Ejen Dialog Antara Agama (*Model Agent of Interfaith Dialogue*) (*MA_IFD*) sebagaimana dibangunkan penulis. Tambahan lagi terdapat ahli jawatankuasa yang menyatakan bahawa unit ini hanya sebagai agenda politik bagi sesetengah pihak.⁶⁹⁰ Sedangkan pada pandangan penulis seharusnya unit ini digerakkan oleh JAKIM yang bertindak sebagai urusetia kepada hal ehwal masyarakat Islam dan masyarakat bukan Islam adalah pelanggan mereka.

⁶⁸⁹ Jawatankuasa Mempromosikan Persefahaman dan Keharmonian di antara Penganut Agama (JKMPKA) diletakkan di bawah Unit Perhubungan Agama JPIN. Di antara objektif unit ini adalah (1) memelihara, meningkatkan dan mengukuhkan jalinan hubungan antara badan-badan agama, (2) memantau isu-isu dan masalah berkaitan agama, (3) menyediakan platform untuk menyelesaikan isu dan masalah berkaitan agama dan (4) menyelaraskan tindakan-tindakan penyelesaian isu agama. Walaubagaimanapun setelah tiga tahun ditubuhkan pada pandangan penulis unit ini sebenarnya tidak memberi impak positif terhadap hubungan antara agama apatah lagi sebagai medan menyelesaikan isu antara agama yang berlaku. Ini adalah kerana sebagai contoh isu kalimah Allah sehingga penulis membuat cadangan (November 2013) masih belum selesai diperbahaskan di peringkat nasional.

⁶⁹⁰ Pandangan ini telah dinyatakan oleh (1) Dr. M. Bala Tharmalingam (Ahli Tetap) dan (2) En. Shah Kirit Kakulal Govindji (Ahli Pengganti). Wawancara ringkas bersama mereka telah dijalankan oleh penulis sewaktu Program Dialog Antara Agama yang dianjurkan oleh Universiti Tenaga Nasional, Kampus Sultan Haji Ahmad Shah, Pahang pada 20 November 2013 dari jam 2.30-5.30 petang. Pada program tersebut juga penulis adalah bertindak sebagai 'Moderator' dialog. Lihat Lampiran 6.1 iaitu gambar penulis semasa bertindak sebagai moderator dalam program dialog tersebut. Tajuk kepada Program Dialog tersebut adalah "*Concept Of God*" Selain mereka berdua terdapat wakil daripada Kristian iaitu Pastor Peter Vela dan Mr. Kon Chee Min mewakili agama Buddha.

Keempat: Jika Jawatankuasa Mempromosikan Persefahaman dan Keharmonian di antara Penganut Agama(JKMPKA) dilihat sebagai platform yang masih relevan maka penulis mencadangkan agar seluruh ahli yang dilantik iaitu seramai 34(ahli tetap) dan 29(ahli pengganti) harus melalui ujian *e-Diagnostic RL(Religious Leader)* dan mengukur tahap kefahaman mereka terhadap konsep asas dialog antara agama dan kesan terhadap hubungan sosial. Jika perkara ini dapat dilakukan maka pihak kerajaan dapat mengenalpasti siapakah yang benar-benar layak mengisi dan bertindak mewakili agama masing-masing dalam membantu pihak kerajaan dalam masalah berkaitan antara agama serta membina persefahaman di kalangan pelbagai penganut agama.

Kelima: Sebagaimana diuraikan dalam Bab Satu bahawa agama Islam dan Kristian amat mengambil-berat berkaitan prinsip-prinsip asas hubungan antara berlainan agama. Maka dengan ini pada pandangan penulis setiap Pemimpin Agama Islam dan Kristian harus memainkan peranan untuk memberi kefahaman yang jelas kepada penganut agama masing-masing akan prinsip-prinsip ini agar seluruh penganut agama faham bahawa Islam dan Kristian tidak pernah mengajar umatnya memusuhi agama lain. Justeru itu pada pandangan penulis Intra Dialog harus digerakkan dengan segera oleh pemimpin-pemimpin agama. Manakala platform yang dilihat oleh penulis amat relevan dan signifikan adalah platform “Perhimpunan Agama” bagi setiap agama iaitu platform Khutbah Jumaat bagi masyarakat Islam dan “Sunday Gathering” bagi masyarakat Kristian.

Keenam: Berdasarkan cadangan kelima di atas, maka kajian terperinci berkaitan pelaksanaan Intra Dialog melalui perhimpunan agama harus dijalankan. Kajian harus melihat dari sudut (1) konsep khutbah Jumaat sebagai Intra Dialog, (2) kandungan khutbah dalam memberi kefahaman prinsip-prinsip hubungan antara agama, menerangkan isu-isu yang berlaku secara objektif dan bukan secara permusuhan dan (3) mengukur keberkesanan khutbah dalam memberi kefahaman dalam hubungan antara agama mahupun isu-isu antara agama.⁶⁹¹ Manakala bagi pihak agama Kristian kajian yang sama harus dijalankan agar persamaan dan perbezaan dapat dilihat. Justeru satu model baru pelaksanaan intra dialog dapat dibangunkan iaitu melalui “Perhimpunan Agama Setiap Agama”.

Ketujuh: Berdasarkan hasil kajian, JAKIM tidak berperanan dalam hal-hal hubungan antara agama mahupun penyelesaian isu-isu antara agama. Kajian mendapati, perkara ini adalah disebabkan oleh tiada sebarang perancangan dimasukkan ke dalam Pelan Perancangan Strategik JAKIM sebelum ini dan ia bukan suatu keperluan sebagaimana yang dinyatakan oleh Pengerusi Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan. Ini adalah kerana pada pandangan beliau JAKIM hanya mengurus hal ehwal masyarakat Muslim sahaja. Oleh itu penulis mencadangkan dalam pelan strategik akan datang seharusnya JAKIM yang turut menyatakan bahawa masyarakat bukan Muslim adalah pelanggan mereka untuk menyenaraikan membina hubungan mahupun menyelesaikan isu-isu antara agama adalah sebahagian pelan strategik mereka. Ini turut meliputi Jabatan-jabatan Mufti di peringkat

⁶⁹¹ Sebagai makluman, pada masa ini penulis telah menamatkan satu kajian yang berkaitan cadangan keenam ini. Kajian ini dikendalikan oleh seorang pelajar Ijazah Sarjana Pengajian Islam di Open University yang bertajuk, “Khutbah Jumaat Sebagai Platform Intra-Dialog: Analisa Isu-Isu Hubungan Antara Agama Dalam Teks Khutbah Jumaat Di Negeri Pahang”. Penulis bertindak sebagai Penyelia untuk kajian ini. Pelajar tersebut adalah En. Zulkefli bin Ahmad, No. Pelajar: CGS00643925, telah bergraduasi pada 26 Ogos 2014. Kajian ini juga ditaja oleh Pusat Penyelidikan Universiti Tenaga Nasional dan hasilnya telah dibentangkan dalam International Seminar on Human Sustainability (INSAN2014) di Universiti Tun Hussien Onn(UTM) pada 9-10 April 2014.

negeri dan Jabatan Agama Islam Negeri terutama Unit Dakwah dan hubungan antara agama.

Kelapan: Hasil kajian ini menunjukkan bahawa peranan pemimpin agama adalah amat penting dalam pelaksanaan dialog antara agama mahupun terlibat secara mendalam dalam hal-hal hubungan dan penyelesaian konflik antara agama. Maka penulis ingin mencadangkan agar satu kajian terperinci dan mendalam terhadap pembinaan “Model Pemimpin Agama” dalam pelaksanaan dialog mahupun hubungan antara agama di samping “Model” yang telah penulis kemukakan daripada hasil kajian ini. Ini adalah kerana objektif utama Dasar Wawasan Negara Malaysia untuk mencapai Wawasan 2020 adalah untuk mencapai perpaduan Nasional sebagaimana dibincangkan oleh penulis dalam Bab Tiga sebelum ini. Oleh kerana kajian yang dijalankan oleh penulis ini hanya melibatkan Pemimpin Agama Islam dan Kristian sahaja maka kajian seterusnya harus melibatkan pemimpin agama-agama besar di Malaysia seperti agama Hindu, Buddha dan Sikh. Oleh itu satu kerangka besar “Model Pemimpin Agama” akan dapat dibentuk di peringkat nasional terutama dalam matlamat menjadi ejen dalam pelaksanaan dialog antara agama dan secara khusus dialog penyelesaian konflik antara agama.

Kesembilan: Hasil kajian menunjukkan bahawa jumlah responden wanita amat kecil dan tidak signifikan untuk dianalisa tahap kefahaman dan kesan hubungan sosial mereka. Ini adalah kerana maklumat yang diperolehi tidak dapat digeneralisasikan kepada kumpulan umum. Walaubagaimanapun pada pandangan penulis penglibatan kumpulan wanita adalah sangat penting dalam pelaksanaan dialog antara agama khususnya di


Malaysia. Oleh itu penulis mencadangkan satu kajian khusus berkaitan penglibatan kumpulan wanita dalam pelaksanaan dialog antara agama harus dijalankan terutama membina “Konsep Pemimpin Agama Wanita” dalam konteks di Malaysia. Ini adalah kerana berkemungkinan terdapat isu-isu yang hanya perlu melibatkan perbincangan di kalangan wanita tanpa kehadiran kaum lelaki.

Seterusnya yang terakhir penulis ingin menyentuh berkaitan penubuhan Majlis Konsultasi Perpaduan Nasional (MKPN) oleh kerajaan pada November 2013.⁶⁹² Walaupun perkara ini timbul sewaktu penulis telah selesai menjalankan kajian sepenuhnya tetapi ia pada pandangan penulis berkait rapat dengan isu antara agama di Malaysia. Ini adalah kerana majlis ini diberi kebebasan untuk membincangkan isu-isu sensitif seperti isu kalimah Allah. Walaubagaimanapun dalam penelitian awal penulis terhadap majlis ini ia dianggotai oleh mereka yang bukan terdiri daripada kalangan pemimpin agama sebagaimana *Diagnostic RL (Religious Leader)* yang telah penulis bangunkan sebagai prasyarat ciri-ciri yang perlu ada pada kumpulan yang ingin membincangkan isu-isu agama mahupun hubungan antara agama. Tambahan lagi pada waktu ini kewujudan Jawatankuasa Mempromosikan Persefahaman dan Keharmonian di antara Penganut Agama (JKMPKA) sedia ada masih lagi belum dapat berfungsi dengan baik dalam menangani isu-isu antara agama di Malaysia. Justeru itu mengapa perlu ditubuhkan satu lagi majlis tetapi mempunyai matlamat yang sama. Pada pandangan penulis seharusnya Jawatankuasa Mempromosikan Persefahaman dan Keharmonian di antara Penganut Agama (JKMPKA) sedia ada ini harus diperkemaskan terlebih dahulu.


⁶⁹² Lawrence Yong, “Majlis perpaduan baru bincangan isu sensitive”. *Malaysiakini*: November 27, 2013. Majlis ini dianggotai seramai 29 anggota terdiri daripada pelbagai bidang seperti ahli koprat, aktivis, pelakon ahli politik dan lain-lain. Majlis ini akan diberi kebebasan untuk membincangkan isu-isu sensitif seperti isu-isu antara agama.

Berdasarkan cadangan-cadangan di atas penulis mengemukakan dua aliran proses pelaksanaan dialog antara agama mahupun dialog penyelesaian konflik yang harus berjalan di Malaysia yang melibatkan kumpulan pemimpin agama Islam dan Kristian sebagaimana fokus kajian ini. Aliran ini juga boleh diadaptasi kepada kumpulan pemimpin agama-agama lain. Lihat Gambarajah 6.1: Aliran Proses Pelaksanaan Dialog Semasa Konflik dan Gambarajah 6.2: Aliran Proses Pelaksanaan Dialog Secara Berkala.

Dalam *Diagnostic RL (Religious Leader)* yang telah dibangunkan oleh penulis dalam Bab 2, penulis telah menegaskan bahawa platform dialog ini harus diagendakan di dalam polisi kerajaan dan dilaksanakan di dalam jabatan-jabatan atau unit-unit kerajaan yang berkaitan dan bersesuaian. Maka platform ini akan dipantau terus oleh pihak kerajaan. Maka untuk meneruskan struktur sedia ada di peringkat negara dalam membangunkan hubungan antara agama melalui Jawatankuasa Mempromosikan Persefahaman dan Keharmonian di antara Penganut Agama (JKMPKA), penulis mencadangkan JKMPKA menjadi pihak ketiga yang berfungsi sebagai “*Mediator*” dalam pelaksanaan dialog antara agama di kalangan Pemimpin Agama Islam dan Kristian sebagaimana kajian ini dan seterusnya diaplikasi terhadap agama-agama lain.



Gambarajah 6 .1: Aliran Proses Pelaksanaan Dialog Semasa Konflik oleh Pemimpin Agama



Gambarajah 6.2: Aliran Proses Pelaksanaan Dialog Berkala oleh Pemimpin Agama

6.3 Penutup

Setelah penulis dapat menyempurnakan kajian ini, penulis mengakui bahawa usaha yang dilakukan ini adalah sebahagian kecil terutama dalam konteks kajian berkaitan pelaksanaan dialog antara agama di Malaysia. Dengan dapatan kajian dan cadangan yang dikemukakan oleh penulis moga-moga akan dapat membantu dan memberi alternatif dalam penyelesaian isu-isu atau hal-hal hubungan antara agama di Malaysia.

Setelah meneliti dengan mendalam lima objektif kajian yang menjadi fokus dalam kajian ini, penulis mengakui bahawa masih banyak perkara yang harus dilakukan terutama dari aspek pelaksanaan (*execution*) oleh badan-badan berwajib seperti kerajaan sendiri dan organisasi-organisasi yang menaungi kumpulan pemimpin agama sama ada Islam dan Kristian sebagaimana fokus kajian ini mahupun agama-agama lain. Ini adalah kerana dari segi tuntutan agama sama ada Islam dan Kristian, perkara menjaga hubungan di kalangan penganut berlainan agama mahupun pelaksanaan dialog antara agama adalah bukan perkara asing ataupun melanggar hukum agama. Malah ia adalah suatu tuntutan dalam konteks masyarakat yang berbilang agama, bangsa dan budaya seperti di Malaysia. Cuma pada pandangan dan penelitian penulis perkara yang mengganggu proses pelaksanaan tersebut adalah wujudnya aliran-aliran pemikiran yang menginterpertasi membina hubungan antara berlainan agama dan melaksanakan dialog antara agama dari kaca mata konservatif, sempit dan tidak setempat. Sedangkan Islam sudah jelas mempunyai garis panduan terhadap perkara tersebut.

Penulis telah menjalankan kajian-kajian berkaitan dialog antara agama semenjak tahun 2003 lagi. Dengan melihat kembali kepada sejarah perkembangan pelaksanaan dialog antara agama yang berjalan di Malaysia, penulis melihat isu-isu sensitif mahupun tuntutan-tuntutan daripada masyarakat bukan Islam akan terus wujud dan berterusan. Ini adalah satu fakta yang tidak boleh sebahagian pihak untuk mengelak daripada meneliti dan mencari alternatif cara penyelesaiannya. Oleh itu masyarakat Muslim yang majoritinya memerintah negara dan mempunyai kuasa atau berautoriti harus mengurus isu-isu sensitif mahupun sebarang tuntutan ini dengan bijaksana dan hikmah. Penulis telah menegaskan pada tahun 2003 dalam kajian lain sebelum ini bahawa platform dialog terutama dialog di antara pemimpin agama adalah medium paling sesuai dan relevan untuk mengurus sebarang isu-isu antara agama. Ini adalah untuk mengelakkan sebarang isu diselesaikan melalui medium perundangan, di mana pada pandangan penulis akan mengundang pelbagai interpretasi negatif, andaian, prejudis sehingga akan menjejaskan keharmonian dan kemakmuran negara. Justeru pada penutup kajian ini iaitu Jun 2015 sekali lagi penulis tegaskan perkara yang sama.

Oleh itu pemimpin agama terutama Islam harus bersedia menerima tuntutan realiti bahawa pelaksanaan dialog antara agama adalah suatu keperluan dan telah menjadi suatu tuntutan semasa serta telah menjadi satu tanggungjawab yang perlu dilaksanakan dalam negara yang berbilang agama, bangsa dan budaya seperti di Malaysia ini.